

29 DEC 2000
MTUC-Cabaran
MTUC GARISKAN 10 CABARAN UNTUK TAHUN 2001

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini menggariskan 10 "Wawasan Alaf Buruh" dalam perjuangannya tahun depan termasuk menggesa kerajaan melaksanakan sepenuhnya lapan Piawaian Buruh Teras terutamanya hak kebebasan berkesatuan.

Presiden MTUC, Senator Datuk Zainal Rampak dalam satu kenyataan berkata MTUC juga akan terus memperjuangkan gaji minima kebangsaan dan gaji bulanan pekerja ladang.

Selain itu MTUC akan juga terus memperjuangkan skim penamat perkhidmatan; melanjutkan umur persaraan di sektor awam dan swasta; menghapuskan buruh kanak-kanak; piawaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lebih baik; penglibatan yang lebih giat dalam aktiviti pengguna; mempertingkatkan pembangunan sumber manusia; mempertingkatkan penyertaan tiga penjurong dan pembinaan lebih banyak rumah kos rendah.

Menurut Zainal, MTUC telah mengadakan dua mesyuarat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincang perkara-perkara ini dan perbincangan terakhir diadakan pada 28 Jun.

Isu skim penamat perkhidmatan telahpun dipersetujui oleh kerajaan dan kini ianya hanya menunggu keputusan dari pihak majikan, katanya.

Berkenaan isu gaji minima, Zainal berkata kerajaan juga telah bersetuju pada dasarnya tetapi ianya memerlukan perbincangan lanjut untuk menentukan kuantum. MTUC telah mencadangkan RM900 sebulan sebagai gaji minima.

Mengenai isu rumah murah, Zainal berkata, kerajaan telah bersetuju dengan cadangan MTUC iaitu setiap rumah mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air dan pembayaran baliknya kurang dari RM200 sebulan.

Sementara itu, President Cuepacs N.Siva Subramaniam berkata tahun 2001 akan merupakan tahun yang penuh cabaran untuk kakitangan kerajaan kerana banyak perubahan akan berlaku termasuk perubahan yang amat pesat dalam bidang teknologi maklumat.

Katanya banyak perubahan yang ketara telah dibuat oleh agensi awam yang telah diswastakan atau dikorporatkan dan perubahan-perubahan positif ini telah membantu dalam memberikan perkhidmatan yang cekap kepada rakyat.

Katanya kakitangan kerajaan juga harus berbangga dalam tempoh 20 bulan yang lepas kerajaan telah membayar 10 peratus kenaikan gaji yang menelan belanja RM1.2 billion dan juga imbuhan setengah bulan gaji.

-- BERNAMA
YBK ES SR